



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

LAPORAN HARIAN ISNIN, 15 SEPTEMBER 2025



# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



15/9/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	<b>KPWKM KAJI PINDAAN UNDANG-UNDANG UNTUK PERKUAT PERLINDUNGAN KANAK-KANAK</b>		<b>POSITIF</b>
	<a href="https://thesun.my/cerita/berita/kpwkm-kaji-pindaan-undang-undang-untuk-perkuat-perlindungan-kanak-kanak-EE14896772">https://thesun.my/cerita/berita/kpwkm-kaji-pindaan-undang-undang-untuk-perkuat-perlindungan-kanak-kanak-EE14896772</a>	THESUN.MY	
	<a href="https://www.bernama.com/bm/news.php/politik/dunia/news.php?id=2467451">https://www.bernama.com/bm/news.php/politik/dunia/news.php?id=2467451</a>	BERNAMA.COM	
	<a href="https://www.astroawani.com/video/video-terkini-x7sio1/proses-awal-laksana-pindaan-akta-kanakkanak-2001-x9qisx0">https://www.astroawani.com/video/video-terkini-x7sio1/proses-awal-laksana-pindaan-akta-kanakkanak-2001-x9qisx0</a>	ASTROAWANI.COM	
	<a href="https://suarasarawak.my/nancy-akta-perlindungan-kanak-kanak-bakal-dipinda-hadapi-cabaran-teknologi/">https://suarasarawak.my/nancy-akta-perlindungan-kanak-kanak-bakal-dipinda-hadapi-cabaran-teknologi/</a>	SUARASARAWAK.MY	
	<a href="https://www.utusanborneo.com.my/2025/09/14/kerajaan-dalam-proses-awal-laksana-pindaan-ruu-memperketatkan-akta-kanak-kanak-2001">https://www.utusanborneo.com.my/2025/09/14/kerajaan-dalam-proses-awal-laksana-pindaan-ruu-memperketatkan-akta-kanak-kanak-2001</a>	UTUSANBORNEO.COM.MY	
	<a href="https://www.youtube.com/shorts/WFtZNAShtcg">https://www.youtube.com/shorts/WFtZNAShtcg</a>	YOUTUBE	
	<a href="https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/09/14/kerajaan-teliti-pindaan-undang-undang-perkukuh-perlindungan-kanak-kanak">https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/09/14/kerajaan-teliti-pindaan-undang-undang-perkukuh-perlindungan-kanak-kanak</a>	FREEMALAYSIATODAY.COM	
	<a href="https://www.bernama.com/en/general/news.php?id=2467465">https://www.bernama.com/en/general/news.php?id=2467465</a>	BERNAMA.COM	
	<a href="https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2025/09/14/govt-to-strengthen-laws-protecting-children-from-sex-predators">https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2025/09/14/govt-to-strengthen-laws-protecting-children-from-sex-predators</a>	FREEMALAYSIATODAY.COM	
	<a href="https://www.theborneopost.com/2025/09/14/minister-govt-plans-to-amend-sexual-offences-against-children-act-to-combat-online-predators/">https://www.theborneopost.com/2025/09/14/minister-govt-plans-to-amend-sexual-offences-against-children-act-to-combat-online-predators/</a>	THEBORNEOPOST.COM	
	<a href="https://www.malaymail.com/news/malaysia/2025/09/14/minister-govt-plans-to-amend-sexual-offences-against-children-act-to-combat-online-predators/191143">https://www.malaymail.com/news/malaysia/2025/09/14/minister-govt-plans-to-amend-sexual-offences-against-children-act-to-combat-online-predators/191143</a>	MALAYMAIL.COM	
	<a href="https://www.nst.com.my/news/nation/2025/09/1275210/ministry-reviewing-laws-strengthen-child-protection-against-online">https://www.nst.com.my/news/nation/2025/09/1275210/ministry-reviewing-laws-strengthen-child-protection-against-online</a>	NST.COM.MY	
	<a href="https://thesun.my/malaysia-news/kpwkm-reviews-child-protection-laws-against-online-sexual-crimes-BE14897042">https://thesun.my/malaysia-news/kpwkm-reviews-child-protection-laws-against-online-sexual-crimes-BE14897042</a>	THESUN.MY	
	<a href="https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/09/14/ministry-studying-legal-amendments-to-strengthen-child-protection-says-nancy-shukri">https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/09/14/ministry-studying-legal-amendments-to-strengthen-child-protection-says-nancy-shukri</a>	THESTAR.COM.MY	
	<a href="https://utusanarawak.com.my/pindaan-akta-perlindungan-kanak-kanak-dalam-proses-fokus-perkukuh-kawalan-dunia-siber-nancy/">https://utusanarawak.com.my/pindaan-akta-perlindungan-kanak-kanak-dalam-proses-fokus-perkukuh-kawalan-dunia-siber-nancy/</a>	UTUSANSARAWAK.MY	

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



15/9/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
2	SCAN PERKUKUH AKSES KESIHATAN LUAR BANDAR		POSITIF
	<a href="https://www.tvsarawak.my/2025/09/14/scan-perkukuh-akses-kesehatan-luar-bandar/">https://www.tvsarawak.my/2025/09/14/scan-perkukuh-akses-kesehatan-luar-bandar/</a>	TVSARAWAK.MY	
	<a href="https://www.tvsarawak.my/2025/09/14/pemeriksaan-awal-kanser-mampu-selamatkan-nyawa/">https://www.tvsarawak.my/2025/09/14/pemeriksaan-awal-kanser-mampu-selamatkan-nyawa/</a>	TVSARAWAK.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
3	PERANAN WANITA SEMAKIN MENYERLAH DALAM PEMBANGUNAN KOMUNITI		POSITIF
	<a href="https://suarasarawak.my/peranan-wanita-semakin-menyerlah-dalam-pembangunan-komuniti/">https://suarasarawak.my/peranan-wanita-semakin-menyerlah-dalam-pembangunan-komuniti/</a>	SUARASARAWAK.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
4	LINDUNG KASIH TAWAR PERLINDUNGAN MENYELURUH WANITA		POSITIF
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/747621/berita/nasional/lindung-kasih-tawar-perlindungan-menyeluruh-wanita">https://www.sinarharian.com.my/article/747621/berita/nasional/lindung-kasih-tawar-perlindungan-menyeluruh-wanita</a>	SINARHARIAN.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
5	TAK TENANG LIHAT ISTERI LAKSANA TANGGUNGJAWAB SARA KELUARGA		NEUTRAL
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/09/1263942/tak-tenang-lihat-isteri-laksana-tanggungjawab-sara-keluarga">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/09/1263942/tak-tenang-lihat-isteri-laksana-tanggungjawab-sara-keluarga</a>	HMETRO.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
6	KEGANASAN, GANGGUAN TERHADAP WANITA MAKIN SERIUS		NEGATIF
	<a href="https://harakahdaily.net/2025/09/keganasan-gangguan-terhadap-wanita-makin-serius/">https://harakahdaily.net/2025/09/keganasan-gangguan-terhadap-wanita-makin-serius/</a>	HARAKAHDAILY.NET	

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



15/9/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
7	<b>GURU PONDOK DITAHAN LAGI, DISYAKI LAKUKAN AMANG SEKSUAL FIZIKAL</b>		<b>NEGATIF</b>
	<a href="https://www.buletintv3.my/mahkamah/guru-pondok-ditahan-lagi-disyaki-lakukan-amang-seksual-fizikal/">https://www.buletintv3.my/mahkamah/guru-pondok-ditahan-lagi-disyaki-lakukan-amang-seksual-fizikal/</a>	BULETINTV3.MY	
	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/guru-besar-ditahan-lagi-disyaki-lakukan-amang-seksual-538471">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/guru-besar-ditahan-lagi-disyaki-lakukan-amang-seksual-538471</a>	ASTROAWANI.COM	
	<a href="https://www.bernama.com/en/region/news.php?id=2467411">https://www.bernama.com/en/region/news.php?id=2467411</a>	BERNAMA.COM	
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/747961/berita/semasa/guru-besar-ditahan-lagi-disyaki-lakukan-amang-seksual">https://www.sinarharian.com.my/article/747961/berita/semasa/guru-besar-ditahan-lagi-disyaki-lakukan-amang-seksual</a>	SINARHARIAN.COM.MY	
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/09/1263986/abuya-ditahan-lagi-disyaki-lakukan-amang-seksual-fizikal">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/09/1263986/abuya-ditahan-lagi-disyaki-lakukan-amang-seksual-fizikal</a>	HMETRO.COM.MY	
	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/09/1446092/abuya-ditahan-lagi-bantu-siasatan-kes-amang-seksual-babit-pelajar-tahfiz">https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/09/1446092/abuya-ditahan-lagi-bantu-siasatan-kes-amang-seksual-babit-pelajar-tahfiz</a>	BHARIAN.COM.MY	
	<a href="https://www.utusan.com.my/terkini/2025/09/abuya-direman-lagi-disyaki-amang-seksual-fizikal-pelajar-tahfiz/">https://www.utusan.com.my/terkini/2025/09/abuya-direman-lagi-disyaki-amang-seksual-fizikal-pelajar-tahfiz/</a>	UTUSAN.COM.MY	
	<a href="https://www.bernama.com/bm/news.php/am/politik/news.php?id=2467407">https://www.bernama.com/bm/news.php/am/politik/news.php?id=2467407</a>	BERNAMA.COM	
	<a href="https://www.kosmo.com.my/2025/09/14/abuya-direman-lagi-bantu-siasatan-amang-seksual-fizikal-pelajar-tahfiz/">https://www.kosmo.com.my/2025/09/14/abuya-direman-lagi-bantu-siasatan-amang-seksual-fizikal-pelajar-tahfiz/</a>	KOSMO.COM.MY	
	<a href="https://www.youtube.com/watch?v=2t_7Gd8_QL0">https://www.youtube.com/watch?v=2t_7Gd8_QL0</a>	YOUTUBE	

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK :	GOVT PLANS AMEND SEXUAL OFFENCES AGAINST CHILDREN ACT TO COMBAT ONLINE PREDATORS		
HARI :	ISNIN	AKHBAR :	THE BORNEO POST
TARIKH :	15 SEPTEMBER 2025	M/SURAT :	01&02
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM

## Govt plans to amend Sexual Offences Against Children Act to combat online predators



Nancy signs the board to mark the launch of the programme in Samarang Aman. — Photo by Roystein Estimer

**KUCHING:** The federal government, through the Ministry of Women, Family and Community Development, plans to amend the Sexual Offences Against Children Act 2017 (SOACA) this year to better address online child sexual exploitation in the face of new and emerging digital threats.

Minister Datuk Seri Nancy Shukri hailed the move as being crucial, as predators had been increasingly exploiting technology to groom children, extort them sexually, and circulate exploitative materials.

"We are working closely with

the police and the Malaysian Communications and Multimedia Commission (MCMC) to tighten the law, but more needs to be done.

"It has not been finalised yet – the process is still ongoing," she told reporters when met after officiating at the Child Protection Advocacy Programme: Love for Children in Samarang Aman here yesterday.

Nancy said the government hoped to complete the amendment this year, though much would depend on Parliament's legislative schedule.

"Each ministry is requesting space to table its respective

media environment."

Nancy added that legal reform alone was not enough, emphasising the need for a whole-of-society approach to protect children.

She highlighted the importance of Child Activity Centres (PAKK), acting as community hubs where children, parents, teachers, and local residents could participate in prevention and awareness programmes.

"That is why even our advocacy today includes PAKK, which extends into the community."

"Many NGOs want to be involved, and they have the right to be, especially in today's social

media environment."

Nancy added that legal reform alone was not enough, emphasising the need for a whole-of-society approach to protect children.

She highlighted the importance of Child Activity Centres (PAKK), acting as community hubs where children, parents, teachers, and local residents could participate in prevention and awareness programmes.

"That is why even our advocacy today includes PAKK, which extends into the community."

• Turn to Page 1, Col 5

## Over 50 students in Samarang Aman registered with PAKK

• From Page 1

"We also work with the Ministry of Education and the police because this effort cannot be done in isolation," she said, noting that more than 50 students in Samarang Aman had registered as PAKK members.

She added: "Programmes like this cannot be done only in schools, where the space is often limited and parental involvement is not always strong.

"In PAKK, however, you see real community participation."

Nancy also clarified misconceptions about her ministry's role, pointing out that

its jurisdiction would end once cases had been handed over to the enforcement agencies.

"From there, police procedures take over and we cannot interfere.

"That is why we do this advocacy work, so that the public has proper guidance."

Also present were Welfare Department Sarawak deputy director (federal) Mohammad Ali Taib; National Population and Family Development Board Sarawak senior assistant director Nadia Amiza Suhaili; and Kuching Divisional Child Protection Team deputy chairman John Selvaraj Perumal.

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK :	KERAJAAN DALAM PROSES AWAL LAKSANA PINDAAN RUU MEMPERKETATKAN AKTA KANAK-KANAK 2001		
HARI :	ISNIN	AKHBAR :	UTUSAN BORNEO (SARAWAK)
TARIKH :	15 SEPTEMBER 2025	M/SURAT :	03
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM



SIMBOLIK: Nancy menandatangani poster perasmian Program Advokasi Perlindungan Kanak-Kanak Kasih Kanak-Kanak di Dewan Bandar Baru Samarang semalam. -- Gambar: Rayhan Ibrahim

## Kerajaan dalam proses awal laksana pindaan RUU memperketatkan Akta Kanak-Kanak 2001

**KUCHING:** Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat kini dalam proses awal untuk melaksanakan pindaan Rang Undang-Undang (RUU) yang memperketatkan Akta Kanak-Kanak 2001 dengan tumpuan penambahbaikan terhadap daftar pesalah seksual bagi memastikan kanak-kanak mendapat perlindungan maksimum, kata Menteri Dato Seri Nancy Shukri.

Antara tindakan yang perlu termasuk bekerjasama rapat dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dalam memerangi kes pedofilia atau pesalah seksual dalam talian yang mana perundangan penting untuk menutup ke-longgaran yang wujud serta memperkatakan mekanisme pemantauan terhadap pesalah berulang.

"Apa pun, ingin saya tekankan bahawa masih banyak perkara dilakukan termasuk dalam pindaan undang-undang dan tentu ia menagih sokongan masyarakat terutama para ibu bapa dan pihak Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) di peringkat bawah," kata Nancy.

Setakat ini pelbagai usaha telah dilakukan kementerian bersama agensi relevan, pihak berkuasa serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO) termasuk menggunakan mekanisme undang-undang dengan harapan kes mampu ditekang dan orang awam mempunyai maklumat tepat tentang pedofilia.

Nancy berkata demikian semasa Majlis Perasmian Program Advokasi Perlindungan Kanak-Kanak Kasih Kanak-Kanak di Dewan Bandar Baru Samarang di sini semalam.

Menurut Nancy, program advokasi penting untuk meningkatkan kesedaran masyarakat

terhadap risiko jenayah seksual atau pedofilia serta menggalakkan penyertaan komuniti menjadi barisan hadapan dalam melindungi generasi muda ini.

"Untuk maklumat bersama setakat ini terdapat kira-kira 317 Pusat Aktiviti Kanak-Kanak (PAKK) berbanding 300 yang disasarkan di sekolah di negara ini.

"Melalui PAKK di luar sekolah, kita boleh melibatkan ramai pihak iaitu komuniti setempat berbanding di sekolah yang hanya melibatkan PIBG dan pastinya segala maklumat penting tidak sampai kepada golongan sasaran.

"Kita berpendapat program seperti Advokasi Kanak-Kanak Kasih Kanak-Kanak di 317 PAKK adalah landasan untuk perkongsian mengenai perlindungan serta huk kanak-kanak yang dijamin oleh undang-undang negara kita.

"Jadi, sebaharukita di pihak kementerian bersama pihak polis, SKMM, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan NGO bergandeng bahu bukan sahaja memberi penekanan undang-undang malah didikan awal. Sebab itu kita melibatkan penceramah daripada polis termasuk Bahagian Siasatan Jenayah Seksual Wanita dan Kanak-Kanak (D11) serta KKM.

"Masyarakat harus di-edarkan dengan ancaman pedofilia yang semakin meningkat dengan penggunaan teknologi dan Internet yang terus berkembang pesat... kerana pedofili kini mempunyai akses lebih mudah untuk mencari dan bertubung dengan kanak-kanak melalui media sosial, aplikasi permainan komunikasi digital.

"Kerjasama antara pertubuhan bukan kerajaan (NGO), pihak berkuasa dan masyarakat juga memainkan peranan penting dalam mem-

erangi peningkatan pedofilia... yang mana langkah ini diharap dapat membuka perspektif seluas untuk kanak-kanak di Sarawak dan Malaysia amnya," katanya.

Kata Nancy lagi, tahap kesedaran orang ramai terhadap jenayah seksual kanak-kanak semakin meningkat dengan melihat kepada peningkatan aduan diterima.

"Ia bukan bermakna kes meningkat sebaliknya tahap kesedaran orang ramai terutama ibu bapa dan masyarakat meningkat justeru menyumbang kepada peningkatan statistik diterima," katanya sambil menambah, pihaknya akan membuat pindaan RUU berkaitan isu ini dan akan ditamatkan setelah melalui proses dengan banyak pihak termasuk NGO dan kerajaan negeri termasuk mengenai Tribunal Buli yang baharu diperkenalkan kini.

"Saya tidak boleh mengatakan bila ia akan dimaklumkan... ia melalui banyak proses sebab banyak lagi RUU yang mahu diambil kira... mungkin Oktober atau selewatnya Disember termasuk di peringkat Dewan Negara kita.

"Kita mahu ia segera dibentangkan dan dimuktamadkan namun tidak tahu bila akan dibentangkan banyak RUU mahu dibentangkan dan diluluskan... harap hujung tahun ini jika dapat," kata Nancy.

Antara yang hadir ialah Timbalan Pengarah (Persekutuan) Jabatan Kebajikan Masyarakat Sarawak Mohammad Ali Taib, Penolong Pengarah Kanan, Lembaga Pendidikan dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) Sarawak Nadia Amiza Suhaili, wakil Pegawai Daerah Kuching Ishak Adenan, Timbalan Pengerusi Pasukan Perlindungan Kanak-Kanak Bahagian Kuching John Selvaraj Perumah, pengulu dan masyarakat setempat.

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



## KPWKM kaji pindaan undang-undang untuk perkuat perlindungan kanak-kanak

theSun Berita

2025-09-14 08:13 PM



fotoBERNAMA

**KUCHING:** Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sedang mengkaji undang-undang sedia ada untuk memperkukuh perlindungan kanak-kanak daripada jenayah seksual.

Menterinya Datuk Seri Nancy Shukri menyatakan sesi libat urus dan perbincangan aktif dijalankan dengan pelbagai pihak berkepentingan termasuk pihak berkuasa dan pertubuhan bukan kerajaan.

Usaha ini dipergiat bagi menangani cabaran perkembangan teknologi digital khususnya dalam kes pedofilia dari peringkat terawal.

Beliau berkata beberapa cadangan konkrit masih perlu dibentangkan sebelum kerajaan mengemukakan pindaan kepada akta berkaitan termasuk Akta Kesalahan Seksual terhadap Kanak-Kanak 2017.

Nancy menekankan undang-undang ini perlu komprehensif dan melibatkan semua pihak terutamanya komuniti di setiap negeri.

Sesi libat urus setakat ini menerima sambutan menggalakkan terutamanya daripada ibu bapa yang mencerminkan peningkatan kesedaran awam.

Statistik jenayah seksual terhadap kanak-kanak menunjukkan peningkatan walaupun kesedaran awam semakin bertambah. – Bernama

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Nancy menyantuni penduduk Kampung Pasir Pandak. Foto TVS

## SCAN perkukuh akses kesihatan luar bandar

By TVS #bm, Berita Sarawak September 14, 2025 2:23 PM

KUCHING, 14 Sept: Penduduk Kampung Pasir Pandak hari ini menikmati perkhidmatan kesihatan secara terus di kampung melalui Program Sihat Bersama untuk Malaysia anjuran Pertubuhan Advokasi dan Kesedaran Kanser (SCAN).

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri berkata, pendekatan turun padang penting bagi memastikan komuniti luar bandar turut mendapat akses maklumat, pemeriksaan dan rawatan awal kesihatan.

"Inisiatif ini membuktikan apabila NGO, kerajaan, pihak swasta dan masyarakat berganding bahu, manfaatnya sampai terus kepada rakyat," katanya ketika merasmikan program berkenaan pagi Ahad.

Program itu turut mendapat kerjasama Timberland Medical Centre serta agensi KPWKM iaitu LPPKN, YKN dan JKM.

Antara aktiviti diadakan termasuk pemeriksaan kesihatan umum, ujian mammogram dan HPV, ceramah pakar, sesi bersama pejuang kanser, pameran serta senaman Zumba.

Penganjuran itu berjaya menghimpunkan komuniti setempat sekali gus meningkatkan kesedaran tentang bahaya kanser dan kepentingan gaya hidup sihat.-TVS

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Datuk Henry Sum Agong merakam gambar kenangan bersama tetamu kehormat pada Mini Festival Usahanita. | GAMBAR: UKAS

## Peranan wanita semakin menyerlah dalam pembangunan komuniti

📍 MARCELLA NATHASIA 📅 6 jam lepas 📍 SARAWAK 🕒 6 jam lepas

**LAWAS:** Mini Festival Usahanita anjuran Persekutuan Perkumpulan Wanita Sarawak (PPWS) Daerah Lawas memperkasakan usahawanita dalam memperluas jaringan serta memperkenalkan produk mereka.

Ahli Parlimen Lawas, Datuk Henry Sum Agong menegaskan peranan wanita yang semakin kukuh dalam pembangunan komuniti.

"Saya berbangga melihat peranan wanita yang semakin menyerlah di Lawas.

"Aktiviti seperti ini wajar diteruskan kerana ia memupuk perpaduan masyarakat berbilang kaum dan agama di samping memperkasakan ekonomi tempatan," katanya.

Beliau berkata demikian mewakili Timbalan Premier, Datuk Amar Awang Tengah Ali Hasan pada Majlis Perasmian Mini Festival Usahanita di Taman Awam Lawas, semalam.

Dalam pada itu, beliau turut mengumumkan sumbangan RM10,000 kepada PPWS Daerah Lawas sebagai tanda sokongan.

"Projek pembangunan mega seperti lapangan terbang baharu, Lebuhraya Pesisiran Pantai, pelabuhan laut dalam, Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) dan naik taraf jalan utama adalah penting kerana ia bakal mengubah landskap ekonomi Lawas," jelasnya.

Sementara itu, Pengerusi PPWS Daerah Lawas, Suriyah Jinin berkata penganjuran mini festival menampilkan pelbagai pameran produk, pertandingan, cabutan bertuah serta kerjasama pelbagai agensi kerajaan.

"Kami turut menganjurkan enam pertandingan termasuk Ratu Kebaya, skil teh tarik, gubahan bunga serta menebar roti canai yang mendapat sambutan lebih 100 peserta termasuk penyertaan dari Brunei.

"Sebanyak 32 perkumpulan PPWS Daerah Lawas mengambil bahagian, disokong agensi seperti Pusat Kecemerlangan Teknikal Sarawak (CENTEXS), Jabatan Kebajikan Bahagian Limbang Lawas, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA), Jabatan Pertanian dan Agro Bank," ujarnya.

Sehubungan itu, beliau turut berhasrat menaik taraf festival berkenaan pada masa akan datang dengan menganjurkan Festival Usahawanita Borneo yang lebih besar.

Acara kemuncak majlis turut menyaksikan penyampaian hadiah kepada pemenang pertandingan gerai pameran, dengan PPWS Banting muncul juara, diikuti PPWS Pangkajene (naib johan) dan PPWS Belipat (tempat ketiga).

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



## LINDUNG Kasih tawar perlindungan menyeluruh wanita

14 September 2025 09:30am



Aziruan (tengah) bersama Madammu ketika program BBM yang dihoskan oleh Erra Fazira.

Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah yang kini dijenamakan semula sebagai LINDUNG Kasih menawarkan perlindungan menyeluruh kepada golongan wanita 55 tahun ke bawah dengan kadar caruman hanya RM120 setahun atau RM10 sebulan.

Timbalan Ketua Eksekutif Operasi Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Aziruan Anifi n berkata, skim itu diperkenalkan bagi memberi perlindungan kepada golongan wanita sama ada bekerja sepenuh masa, menjalani kehidupan sebagai suri rumah sepenuh masa atau separuh masa.

Menurutnya, LINDUNG Kasih menawarkan perlindungan yang 'bermaruah' bukan hanya dari segi harga, tetapi nilai kemanusiaan dan kesejahteraan wanita.

"Menerusi RM120 setahun, pencarum layak menerima faedah seperti Faedah Perubatan, Faedah Hilang Upaya Kekal, Elaun Keuzuran, Kemudahan Pemulihan Jasmani atau Dialisis dan lain-lain jika berlaku sebarang musibah atau bencana.

"Mereka akan dibantu dari segi kewangan dan perkhidmatan antaranya sumbangan bayaran secara bulanan, pukal, panduan serta bimbingan mengenai kesihatan jika perlu mengikut syarat ditetapkan.

"Di samping itu, kemudahan pusat fi sioterapi juga disediakan bagi membantu proses rawatan dan pemulihan kepada mereka mengalami kecederaan atau masalah kesihatan. Ia kini dibuka di Melaka dan Perak, manakala satu lagi pusat baharu bakal dibina di Terengganu," katanya.

Beliau berkata demikian dalam program Borak Bibir Merah (BBM) bertajuk Me Before You bersama Pengasas Noir, Eryca Baiduri atau Madammu dan dihoskan oleh selebriti terkenal, Erra Fazira yang diadakan di Dewan Karangkrak, Shah Alam.

Dalam pada itu, Aziruan memberitahu, statistik menunjukkan lebih 4.8 juta wanita keluar dari pasaran kerja setiap tahun dan lebih tiga juta daripadanya tidak kembali bekerja.

Jelasnya, ia menjadikan mereka suri rumah sepenuh masa tanpa sebarang perlindungan sosial.

"Jika berlaku sesuatu, suri rumah yang kurang berkemampuan akan bergantung kepada bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) atau zakat. Di sinilah intervensi kerajaan menerusi PERKESO sangat penting.

"Oleh itu, saya berpendapat setiap wanita perlu mempunyai Lindung Kasih. Jika bukan melalui suami, suri rumah juga boleh mencarum sendiri bahkan anak saudara atau syarikat melalui tanggungjawab sosial korporat (CSR) juga dibenarkan menyumbang.

"Ini fi eksibel, perkara paling penting adalah perlindungan itu sampai," ujarnya.

Beliau turut menyatakan komitmen PERKESO yang berterusan untuk menyebarkan kesedaran tentang skim ini.

"Wanita adalah agen pembangunan dan produktiviti negara. Kami akan terus memastikan semua dilindungi. LINDUNG Kasih adalah permulaan, PERKESO akan terus melihat keperluan rakyat untuk memastikan perlindungan untuk semua, sepanjang masa," ulasnya.

### Suri rumah sambut baik Skim LINDUNG Kasih

SHAH ALAM – Skim LINDUNG Kasih yang diperkenalkan oleh Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) semakin mendapat sambutan baik dalam kalangan wanita, khususnya golongan suri rumah yang selama ini kurang mendapat perhatian dari segi perlindungan keselamatan dan kebajikan.

Skim yang menawarkan perlindungan keselamatan sosial dengan bayaran serendah RM120 setahun ini dianggap sebagai langkah bijak dan amat berbaloi, terutama bagi wanita yang tidak mempunyai perlindungan insurans lain.

Kebanyakan mereka mengakui selamat dan dihargai dengan adanya skim itu, yang memberi jaminan sekiranya berlaku kecederaan atau kemalangan semasa menjalankan tugas harian di rumah.

Seorang suri rumah Sandora Mohd Panut, 49, berkata, sebelum ini beliau tidak mengetahui kewujudan skim tersebut, namun kini berasa syukur kerana akhirnya ada satu bentuk perlindungan mampu milik untuk suri rumah.



SANDORA

"Kadang-kadang benda kecil seperti jatuh di bilik air pun boleh sebabkan kecederaan. Apabila ada skim yang membantu suri rumah macam kita, saya rasa lebih tenang. Walaupun ada suami, kita tetap kena fi ki keselamatan diri sendiri dan masa depan terutama bila diuji dengan kesihatan.

"Skim ini sesuai untuk suri rumah yang tidak mampu membeli insurans dengan harga tinggi. RM120 setahun sangat berbaloi dan mampu dibayar oleh semua golongan," ujarnya.

Seorang surirumah, Rodziah Hamid, 46 pula berpendapat, beliau tertarik dengan LINDUNG Kasih kerana ia memberi perlindungan kepada wanita walaupun tidak bekerja. Menurutnya, walaupun tidak bekerja, wanita tetap melakukan kerja-kerja rumah.



RODZIAH

"Saya rasa sangat dihargai. Apabila tahu ada skim ini, rasa macam tetap dijaga walaupun di rumah.

"Saya akan menggalakkan rakan-rakan dan ahli keluarga untuk menyertai skim ini kerana manfaat yang ditawarkan adalah sangat berbaloi dengan bayaran serendah kira-kira RM10 sebulan," jelasnya.

Kakitangan awam, Siti Sabariah Mat Husin, 44, pula memberitahu, beliau pernah mendengar tentang LINDUNG Kasih sebelum ini namun tidak begitu faham maksud dan fungsinya. Tambahnya, namun selepas mendapat maklumat, beliau yakin skim ini patut dimiliki semua wanita.

"RM120 setahun saya rasa sangat berpatutan, lebih-lebih lagi bila dah bersara nanti pun masih mampu untuk teruskan bayaran. Skim ini dapat memberi kelegaan dan rasa dihargai.

"la satu bentuk pengiktirafan kepada wanita atas peranan besar mereka dalam kehidupan harian. Justeru, semua wanita diharap tidak berleghang dan segera mendaftar bagi menjamin masa depan yang lebih baik.

### INFO

#### Faedah Perubatan

- Layanan pesakit luar dispensari, klinik atau institusi lain

- Kemasukan wad dengan kelayakan kelas kedua hospital kerajaan

#### Faedah Hilang Upaya Kekal

- Diberikan kepada suri rumah yang disahkan mengalami keilatan atau hilang upaya kekal dan sekiranya perlu akan diberikan bekalan proses prostetik, ortotik atau alat bantuan lain secara percuma

- Bayaran pukal sehingga RM30,000 jika mengalami hilang upaya kekal bergantung pada tahap dan jenis kecederaan.

#### Elaun Layanan Sentiasa

- Bayaran sebanyak RM250 secara bulanan jika layak

#### Kemudahan Pemulihan Jasmani atau Dialisis

- Pembiayaan sehingga RM50,000 dalam tempoh caruman jika diper akukan menghidap keilatan atau hilang upaya kekal dan sekiranya perlu akan diberikan bekalan proses prostetik, ortotik atau alat bantuan lain secara percuma.

#### Elaun Keuzuran

- Bayaran secara bulanan sebanyak RM300 jika layak

#### Faedah Pengurusan Mayat

- Bayaran Faedah Pengurusan Mayat sebanyak RM3,000 secara sekali bayar

#### Pencen Penakat

- Dibayar sebanyak RM300 sebulan kepada orang tanggungan yang layak mengikut syer yang ditetapkan

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



## Tak tenang lihat isteri laksana tanggungjawab sara keluarga

Siti Rohana Idris  
am@hmetro.com.my



Raduan Yahya@Yaacob, 52, yang menjalani pembedahan akibat tiga saluran jantung tersumbat bersama anaknya ketika ditemui di rumahnya di Kampung Gok Kapur. FOTO Nik Abdullah Nik Omar

Kota Bharu: Hati siapa yang tidak sedih mengenangkan tanggungjawab menyara keluarga yang sepatutnya digalas terpaksa dipikul isteri disebabkan masalah kesihatan yang dialaminya.

Ahmad Raduan Yahya@Yaacob, 52, yang sudah empat tahun menjalani pembedahan akibat tiga saluran jantung tersumbat kini hanya mampu duduk di rumah kerana tidak boleh bekerja membanting tulang menyara hidup isteri dan empat anaknya.

Menurutnya, kini tugas sebagai ketua keluarga diambil alih isterinya, Halimah Salleh, 47, yang mengambil upah mengemas rumah pelanggan di sekitar Taman Sari di sini, dengan bayaran yang tidak menentu.

"Sebelum ini, saya bekerja di kedai perabot tapi selepas menjalani pembedahan jantung, saya sudah tidak mampu membuat kerja berat lagi malah pergerakan saya juga terbatas kerana masalah penglihatan.

"Pandangan saya semakin kabur kerana penyakit kencing manis dan terbaharu pula, saya menghidap angin pasang selain dikesan paru-paru bermanah.

"Bukan tidak mahu meringankan beban isteri untuk keluar bekerja tapi apalah daya saya dengan keadaan sebegini, saya hanya mampu berada di rumah menjaga anak serta membuat kerja rumah," katanya ketika ditemui di rumahnya di Kampung Gok Kapur.

Ahmad Raduan berkata, sebelum ini isterinya bekerja di kedai alat ganti kenderaan tapi disebabkan terlalu banyak mengambil cuti terutama jika dia dimasukkan ke wad, majikan terpaksa memberhentikanannya.

Keadaan semakin terhimpit apabila tiga anaknya masih belajar termasuk yang sulung, Ahmad Azrul Hisyam, 19, sedang menuntut di Kolej Komuniti Kuala Terengganu, Terengganu dalam jurusan Automotif.

"Memang dia (Ahmad Azrul) menerima elaun setiap semester tapi dia juga perlu membayar sewa rumah selain perbelanjaan harian. Jika Azrul terdesak wang, saya hanya mampu memberi RM50 sahaja, hanya itu yang termampu.

"Saya menerima bantuan bulanan dari Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sebanyak RM650 dan dimanfaatkan sepenuhnya untuk keperluan keluarga namun adakalanya makan terpaksa juga dicatu," katanya yang boleh dihubungi di talian 017-9654492.

Terdahulu, Ahmad Raduan menerima kunjungan pengerusi badan bukan kerajaan (NGO) ECJ Cares, Auni Ibrahim bersama kunjungan kumpulan aktivis masyarakat Asnaf Hunter yang diwakili Engku Mohd Razali Engku Kadir yang menyerahkan bantuan barangan dapur.

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



## Keganasan, gangguan terhadap wanita makin serius

September 14, 2025



Ustazah Siti Mekiah Shamsudin.

**ALOR SETAR:** Wanita di Malaysia kini berdepan dengan pelbagai cabaran serius, antaranya keganasan rumah tangga, demikian menurut Perwakilan Muslimat PAS Negeri Kedah, Ustazah Siti Mekiah Shamsudin.

Beliau berkata, statistik rasmi menunjukkan sembilan peratus wanita di Malaysia yang pernah berkahwin atau berpasangan mengalami keganasan rumah tangga sepanjang hidup mereka.

"Kes keganasan rumah tangga meningkat daripada 3,468 kes pada tahun 2000 kepada 5,513 kes (2018) malah, antara 2020 hingga 2022, dilaporkan hampir 19,268 kes keganasan rumah tangga berlaku," kata beliau.

Tegasnya lagi, tinjauan YouGov pada 2019 mendapati 36 peratus wanita Malaysia pernah mengalami gangguan seksual, dengan bentuk paling lazim ialah serangan seksual (59 peratus).

"(Juga) komen berunsur seksual (48 peratus) di mana angka-angka ini jelas menunjukkan wanita di negara ini masih belum selamat daripada cabaran sosial dan fizikal," ujarnya.

Perkara itu dibangkitkan beliau, ketika menyampaikan ucapan penangguhan sempena Muktamar Tahunan Dewan Muslimat PAS Malaysia Kali Ke-65, di Kompleks PAS Kedah, di sini hari ini.

Ustazah Mekiah yang juga Timbalan Ketua Dewan Muslimat PAS Kedah juga menjelaskan, selain keganasan rumah tangga, wanita di Malaysia juga berhadapan dengan krisis mental yang semakin membimbangkan.

"Kajian kesihatan mental di Malaysia pada 2025 mendapati 35.9 peratus wanita mengalami gangguan kebimbangan dan kemurungan. Di hospital kerajaan, jumlah pesakit psikiatri wanita meningkat saban tahun.

"Khususnya akibat tekanan rumah tangga, ekonomi, dan kesan pasca pandemik. Kajian tempatan juga menunjukkan wanita lebih mudah mengalami gangguan kemurungan selepas bersalin atau 'postpartum depression'.

"(Iaitu) dengan prevalens sekitar 20 hingga 25 peratus dalam kalangan ibu muda di Malaysia. Kesihatan mental ini juga berkait rapat dengan keselamatan sosial dan fizikal.

"Di mana wanita yang menjadi mangsa keganasan rumahtangga atau gangguan seksual lebih berisiko tinggi mengalami trauma dan kemurungan," tambahnya lagi.

Beliau juga menarik perhatian sidang muktamar, berkaitan keselamatan fizikal yang kini amat membimbangkan khususnya terhadap wanita muda dan kanak-kanak.

Kata beliau, berdasarkan laporan pihak berkuasa, peningkatan kes jenayah seksual terhadap wanita dan kanak-kanak meningkat setiap tahun.

"Wanita bukan sahaja tidak selamat di rumah, tetapi juga di tempat kerja dan di ruang awam. Kajian Universiti Malaya pada 2021 mendapati lebih 70 peratus wanita muda di bandar besar pernah mengalami gangguan di jalanan.

"Sama ada dalam bentuk siulan, kata-kata lucah, ataupun diekori tanpa kerelaan. Inilah realiti getir yang memerlukan satu gerakan politik Islam yang jelas, tegas, dan berstrategi untuk membela wanita," bicaranya lagi.

Berikutan itu ujar beliau, perlu wujudkan desakan agar Akta Gangguan Seksual 2022 dilaksanakan secara menyeluruh, selain menuntut lebih banyak rumah perlindungan wanita dan pusat transit di setiap negeri.

Selain itu perlu ada sokongan penubuhan mahkamah khas wanita dan kanak-kanak bagi mempercepatkan proses keadilan terhadap golongan terabait yang dizalimi.

"Teruskan melaksanakan kempen literasi digital bagi mendidik wanita tentang keselamatan siber. Menggerakkan modul Wanita Sejahtera yang menyentuh aspek sosial, mental, dan fizikal.

"Menubuhkan pusat kaunseling muslimat yang menggabungkan kaunseling profesional dan bimbingan kerohanian Islam. Latihan kaunselor komuniti muslimat di setiap kawasan.

"Menggerakkan Skwad Srikandi Muslimat sebagai benteng keselamatan komuniti wanita. Kerjasama dengan polis komuniti dan NGO untuk menjadikan kampung dan bandar mesra wanita," katanya lagi.

Muslimat juga tegasnya, tidak boleh hanya menjadi pemerhati, tetapi mesti menjadi juara wanita Malaysia memperjuangkan dasar, mendidik masyarakat, menyediakan sokongan mental dan fizikal, serta memperkasa ekonomi muslimah.

Dengan gabungan itu jelasnya, kekuatan politik Islam, keilmuan, dan jaringan komuniti, mampu mengangkat wanita Malaysia ke tahap yang lebih sejahtera, selamat, dan bermaruah. – HARAKAH DAILY 14/9/2025

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : 'ABUYA' KENA TAHAN LAGI BANTU SIASATAN

HARI : ISNIN

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 15 SEPTEMBER 2025

M/SURAT : 19

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWK

## 'Abuya' kena tahan lagi bantu siasatan

**Kuala Terengganu:** Seorang tenaga pengajar sebuah pondok di Tumpat, Kelantan, sekali lagi ditahan bagi membantu siasatan atas dakwaan kesalahan melakukan amang seksual fizikal terhadap seorang pelajar tahfiz di Kuala Nerus, tujuh bulan lalu.

Lelaki berusia 46 tahun itu yang dikenali dengan panggilan 'Abuya' ditahan di pekarangan madrasah pada jam 7.30 malam Jumaat lalu.

Ketua Polis Daerah Kuala Terengganu, Asisten Komisioner Azli Mohd Noor berkata, siasatan awal mengesyaki suspek melakukan amang seksual fizikal terhadap seorang remaja lelaki berusia 14 tahun.

Menurutnya, perbuatan itu difahamkan berlaku Februari lalu di sebuah pondok di Kuala Nerus, ki-

ra-kira jam 9 malam.

Katanya, semakan mendapati suspek memiliki rekod jenayah lampau membabitkan kes seksual luar tabii dan penganiayaan terhadap kanak-kanak.

"Suspek direman lima hari sehingga Khamis bagi membantu siasatan dan kes disiasat mengikut Seksyen 14(A) Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017," katanya.

Pada 11 September lalu, media melaporkan lelaki yang sama dihadapkan ke Mahkamah Seksyen Pasir Mas atas tujuh pertuduhan melakukan amang seksual fizikal terhadap pelajar lelaki dan memiliki gambar lucah pada Jun 2024 hingga 20 Ogos lalu.

Tertuduh bagaimanapun membuat pengakuan tidak bersalah terhadap kesemua pertuduhan terbabit.



SUSPEK direman lima hari sehingga Khamis bagi membantu siasatan.

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : PONDOK HEADMASTER ARRESTED OVER SEXUAL ASSAULT ON STUDENT

HARI : ISNIN

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

TARIKH : 15 SEPTEMBER 2025

M/SURAT : 11

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWK

## PREVIOUSLY CHARGED WITH SAME CRIME

# Pondok headmaster arrested over sexual assault on student

**KUALA TERENGGANU:** A headmaster of a pondok school in Tumpat, who was previously charged with sexual assault on a male student, has been arrested again for allegedly committing a similar offence at a *tahfiz* school in Kuala Nerus.

District police chief Assistant Commissioner Azli Mohd Noor said the 46-year-old suspect was arrested at 7.30pm on Saturday at a *madrasah* in Tumpat.

"Based on initial investigations, the suspect is believed to have sexually assaulted a 14-year-old male stu-

dent at a *tahfiz* school in Batu Rakit, Kuala Nerus, about 9pm sometime in February," he said when contacted.



Assistant  
Commissioner Azli  
Mohd Noor

Azli added that the suspect was on remand for five days from yesterday to assist with investigations under Section 14(a) of the Sexual Offences Against Children Act 2017.

On Thursday, the suspect was charged at the Pasir Mas Sessions Court in Kelantan with seven counts of sexually assaulting a male student and possessing obscene

images. He pleaded not guilty to all charges. **Bernama**

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



## Guru pondok ditahan lagi, disyaki lakukan amang seksual fizikal

🕒 14 September 2025, 3:19pm



Mudir sebuah madrasah di Tumpat, Kelantan, di reman di Mahkamah Sesyen Kuala Terengganu - Foto NSTP

Oleh: Nazdy Harun

**KUALA TERENGGANU:** Pengajar di sebuah pondok di Tumpat, Kelantan, sekali lagi ditahan bagi membantu siasatan atas dakwaan kesalahan melakukan amang seksual fizikal terhadap seorang pelajar tahfiz di Kuala Nerus, tujuh bulan lalu.

Lelaki berusia 46 tahun itu yang dikenali dengan panggilan 'Abuya' ditahan di pekarangan sebuah madrasah pada 7.30 malam kelmarin.

Ketua Polis Daerah Kuala Terengganu Asisten Komisioner Azli Mohd Noor berkata, siasatan awal mengesyaki suspek melakukan amang seksual fizikal terhadap seorang remaja lelaki berusia 14 tahun.

Menurutnya, perbuatan itu difahamkan berlaku pada Februari lalu di sebuah pondok di Kuala Nerus, pada 9 malam.

Katanya, semakan mendapati suspek memiliki rekod jenayah lampau membabitkan kes seksual luar tabii dan penganiayaan terhadap kanak-kanak.

"Suspek direman lima hari sehingga Khamis bagi membantu siasatan dan kes disiasat mengikut Seksyen 14(A) Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017," katanya.

Pada 11 September lalu, media melaporkan lelaki yang sama dihadapkan ke Mahkamah Seksyen Pasir Mas atas tujuh pertuduhan melakukan amang seksual fizikal terhadap pelajar lelaki dan memiliki gambar lucah pada Jun 2024 hingga 20 Ogos lalu.

Tertuduh bagaimanapun membuat pengakuan tidak bersalah terhadap kesemua pertuduhan terbabit.